

## BERITA HARI INI

**AKHBAR** : WilayahKu **TARIKH** : 26 Jun 2020 – 02 Julai 2020  
**MUKA SURAT** : 5 **HARI** : Jumaat - Khamis  
**RUANGAN** : Advertorial  
**TAJUK** : Lanjut bayar cukai tanah, petak

Warga kota nikmati tempoh lebih panjang, tiada denda lewat

# Lanjut bayar cukai tanah, petak

Oleh SYAHIDI BAKAR  
diwilayahku@gmail.com

**M**EMAHAMI situasi ekonomi semasa dan kedudukan kewangan semua pihak yang terkesan berikutan penularan wabak Covid-19, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan selaku Pihak Berkuasa Negeri, telah melanjutkan tarikh akhir bayaran Cukai Tanah dan Cukai Petak bagi tahun 2020.

Menurut Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Datuk Che Roslan Che Daud, pelanjutan tempoh bayaran selama 6 bulan, mulai 1 Jun sehingga 30 November 2020 dibuat tanpa dikenakan sebarang denda lewat.

Keputusan tersebut, katanya merupakan antara bukti keprihatinan pihak kerajaan terhadap kesukaran yang sedang dihadapi oleh rakyat.

Beliau berkata, pelanjutan tarikh akhir bayaran kedua-dua cukai tersebut adalah terpakai dan berkuat kuasa serta-

merta di seluruh Wilayah Persekutuan iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Inisiatif prihatin ini akan dapat memberi manfaat kepada sejumlah 298,405 pembayar Cukai Tanah dan Cukai Petak dalam kalangan warga kota di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.



CHE ROSLAN

"Keputusan Kerajaan melanjutkan tarikh akhir bayaran Cukai Tanah dan Cukai Petak selama enam (6) bulan ini sudah pastinya memberi kelegaan kepada warga Wilayah Persekutuan.

"Khususnya mereka yang terkesan dari sudut ekonomi dan kewangan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu untuk menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar cukai selaras Kanun Tanah Negara (KTN) 1965," katanya dalam kenyataan kepada *Wilayahku* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Sebarang pertanyaan mahupun maklumat lanjut

berkenaan keputusan pelanjutan tempoh pembayaran cukai tersebut, orang ramai boleh menghubungi talian berikut.

WIK



**Info** Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

**PPTG WP Kuala Lumpur**  
Tel: 03-2610 3430/ 3428/ 3438  
E-mel: tanahwila@ptgwp.gov.my

**PPTG WP Putrajaya**  
Tel: 03-8889 7777  
E-mel: cukaijp@ptgwp.gov.my

**PPTG WP Labuan**  
Tel: 087-415 132/087-415 312  
E-mel: zaharul@ptgwp.gov.my

### "PELANJUTAN TARIKH AKHIR BAYARAN CUKAI TANAH (QUIT-RENT) DAN CUKAI PETAK (PARCEL-RENT) TAHUN 2020 DI WILAYAH PERSEKUTUAN"

Memahami situasi ekonomi semasa dan kedudukan kewangan semua pihak yang terkesan akibat penularan wabak pandemik Covid-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah **bersetuju** dengan inisiatif Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) untuk **melanjutkan tarikh akhir bayaran cukai tanah (Quit-Rent) dan cukai petak (Parcel-Rent) tahun 2020 selama enam (6) bulan, daripada 31 Mei 2020 kepada 30 November 2020, tanpa dikenakan sebarang denda lewat.**

Pelanjutan tarikh akhir bayaran ini adalah terpakai dan berkuatkuasa serta-merta di seluruh Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi talian berikut.

**PPTGWP Kuala Lumpur**  
Tel No: 03-2610 3430  
03-2610 3438  
03-2610 3428  
E-mel: tanahwila@ptgwp.gov.my

**PPTGWP Putrajaya**  
Tel No: 03-8889 7777  
E-mel: cukaijp@ptgwp.gov.my

**PPTGWP Labuan**  
Tel No: 087-415 132  
087-415 312  
E-mel: zaharul@ptgwp.gov.my



<http://www.ptgwp.gov.my>



Pejabat Pengarah Tanah & Galian WP



pptg\_wp



pptg\_wp